



Koperasi Sekolah: Menelusuri Matlamat Penubuhannya

Juliana Md Yusof

Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Pengenalan

Gerakan koperasi sekolah yang telah bertapak di Malaysia sejak 1968 dilihat semakin berkembang seiring dengan penubuhan koperasi di setiap sekolah menengah. Secara umum, masyarakat melihat koperasi sekolah diwujudkan hanya untuk menjalankan urusan niaga peralatan dan kelengkapan sekolah sebagai memenuhi keperluan pelajar sekolah. Sungguhpun begitu, tujuan penubuhan koperasi sekolah mempunyai matlamat dan objektif yang lebih besar manfaatnya sehingga dapat melahirkan barisan pelapis koperator yang berkualiti.

Sejarah Penubuhan Koperasi Sekolah

Idea penubuhan koperasi sekolah dicetuskan pada

tahun 1953 semasa Persidangan Kerjasama Malaya apabila satu usul telah diluluskan hasil persetujuan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian yang menggalakkan penubuhan koperasi sekolah. Walau bagaimanapun, tiada tindakan susulan yang diambil bagi merealisasikan usul tersebut sehingga pada tahun 1968, Profesor Diraja Ungku Aziz membangkitkan semula idea penubuhan koperasi sekolah. Sebagai merealisasikan idea tersebut, sembilan buah sekolah di Semenanjung Malaysia telah dipilih sebagai peneraju untuk menubuhkan koperasi di sekolah masing-masing. Koperasi-koperasi tersebut didaftarkan di bawah Bab 53 Akta Koperasi. Koperasi sekolah peneraju tersebut disenaraikan pada Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Koperasi Peneraju yang Ditubuhkan Pada Tahun 1968

Bil	Koperasi Peneraju	Negeri
1	Koperasi Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib Kuantan Berhad	Pahang
2	Koperasi Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar Berhad	Pahang
3	Koperasi Sekolah Menengah Sultan Sulaiman Berhad	Terengganu
4	Koperasi Sekolah Menengah Padang Midin Berhad	Terengganu
5	Koperasi Sekolah Menengah Zainab Berhad	Kelantan
6	Koperasi Sekolah Menengah Dr Burhanuddin Berhad	Perak
7	Koperasi Sekolah Menengah Tengku Menteri Berhad	Perak
8	Koperasi Sekolah Menengah Dato Jaafar Berhad	Johor
9	Koperasi Sekolah Menengah Iskandar Shah Berhad	Melaka

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia

Seterusnya, tujuh tahun selepas itu koperasi sekolah di Malaysia Timur ditubuhkan. Ia bermula dengan pendaftaran koperasi sekolah pertama di negeri Sarawak pada tahun 1976 iaitu Koperasi Sekolah Akademik Limbang Berhad. Pada tahun yang sama, koperasi sekolah pertama negeri Sabah ditubuhkan iaitu Koperasi Sekolah Menengah Menggatal Berhad.

Perkembangan pesat gerakan koperasi sekolah pada awal penubuhannya telah membawa kepada penggabungan koperasi sekolah yang dikenali sebagai Koperasi Nasional Sekolah (KNS). Fungsi utamanya adalah mengedarkan keperluan koperasi sekolah, meringankan beban pelajar dan menjadi pendorong kepada penubuhan koperasi sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 1988, pendaftaran KNS dibatalkan kerana gagal menjalankan fungsinya.

Kegagalan KNS tidak melemahkan gerakan koperasi sekolah. Dari tahun ke tahun, penubuhan dan pendaftaran koperasi sekolah terus bertambah mengikut negeri. Kedai-kedai buku yang beroperasi di sekolah telah ditukarkan kepada penubuhan koperasi sekolah. Penubuhan koperasi sekolah mendapat sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui surat siaran yang dikeluarkan sebanyak dua kali iaitu KP 8591 – Jld.II(22) bertarikh 8 Mei 1976 yang mengiktiraf kegiatan koperasi sekolah sebagai

aktiviti kokurikulum dan KP (BS) 8586/303/(57) bertarikh 20 April 1989 yang menggalakkan penubuhan koperasi sekolah yang berupaya membentuk keperibadian dalam kalangan warga sekolah. Sehingga tahun 2014, terdapat 2,301 buah koperasi sekolah ditubuhkan di Malaysia. Jadual 2 menunjukkan bilangan koperasi sekolah berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada tahun 2013 dan 2014.

Jadual 2: Bilangan Koperasi Sekolah Berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Negeri	Bilangan Koperasi	
	2014	2013
Johor	259	250
Kedah	177	173
Kelantan	158	156
Melaka	81	79
Negeri Sembilan	120	116
Pahang	192	193
Perak	243	241
Perlis	31	31
Pulau Pinang	134	132
Sabah	208	201
Sarawak	181	177
Selangor	267	266
Terengganu	149	149
Wilayah Persekutuan	101	97
Jumlah	2,301	2,261

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tujuan Penubuhan Koperasi Sekolah

Gerakan koperasi sekolah telah diiktiraf sebagai salah satu aktiviti ko kurikulum sekolah kerana faedah dan kepentingan aktiviti yang dilaksanakan secara langsung dapat merealisasikan matlamat utama Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu:

... adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Justeru, penubuhan koperasi sekolah yang berlandaskan matlamat, jati diri dan perundangan koperasi berupaya menyediakan persekitaran sosial yang sihat iaitu melahirkan masyarakat yang sempurna, kreatif, progresif, bertanggungjawab dan berketerampilan. Sungguhpun gerakan koperasi sekolah diiktiraf sebagai salah satu kegiatan ko kurikulum yang boleh disertai oleh para pelajar, ia dianggap unik berbanding kegiatan ko kurikulum lain kerana:

- i. Berupaya menarik seluruh warga sekolah tanpa mengira bangsa, agama dan jantina sebagai anggota;
- ii. Menjadi pemangkin kepada proses pembelajaran dalam bilik darjah;
- iii. Memberi pengalaman dan pendedahan kemahiran urus niaga; dan
- iv. Gerakan koperasi sekolah dilindungi oleh perundangan iaitu Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), Peraturan-peraturan Koperasi 2010 serta Undang-undang Kecil (UUK) koperasi sekolah.

Ciri-ciri unik yang terdapat pada gerakan koperasi sekolah berbanding kegiatan kokurikulum

yang lain dijangka berupaya melahirkan pelajar sekolah yang memenuhi matlamat utama FPN. Selain memenuhi matlamat FPN, Kementerian Pendidikan Malaysia menyenaraikan tujuan penubuhan koperasi sekolah seperti berikut:

- i. Memajukan kepentingan sosioekonomi anggota menurut prinsip koperasi.
- ii. Mengamalkan sikap dan amalan berjimat cermat.
- iii. Mengamalkan cara hidup masyarakat secara demokratik.
- iv. Mengamalkan prinsip berdikari.
- v. Memberi pengalaman mentadbir, mengurus, membuat keputusan dan memimpin khususnya kepada pemimpin-pemimpin koperasi dalam kalangan pelajar.
- vi. Menyertai dan mengalami urusan perniagaan.
- vii. Memberi sokongan kepada sekolah segala usaha yang memberi faedah kepada pelajar.

Tambahan lagi, Profesor Diraja Ungku Aziz juga menyatakan tujuan penubuhan koperasi sekolah sebagai:

- i. Membentuk amalan jimat cermat dan berdikari.
- ii. Membantu dalam mewujudkan suasana latihan amali bagi mempraktikkan teknik pengurusan dan perdagangan.
- iii. Menyemai sifat serta unsur demokrasi dalam kalangan generasi muda.
- iv. Menggalakkan sikap bekerjasama serta saling membantu antara satu sama lain.
- v. Mengasuh bakat kepimpinan dalam kalangan generasi muda.

Aktiviti Koperasi Sekolah

Kebanyakan koperasi sekolah menjalankan aktiviti bersifat kepenggunaan. Merujuk kepada Fasal 8, Undang-undang Kecil Seragam Koperasi Sekolah, koperasi bolehlah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- i. Menjual peralatan persekolahan serta lain-lain keperluan kepada anggota;
- ii. Mengadakan aktiviti kelas tambahan atau

- tuisyen atau kelas komputer untuk faedah kepada anggota;
- iii. Membeli, menjual, memindah hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta-harta alih dan harta-harta tak alih;
- iv. Menyertai usaha sama dan menjadi anggota kepada koperasi lain; dan
- v. Mengadakan aktiviti lain yang berfaedah dengan mendapat kebenaran pengetua dan kelulusan mesyuarat agung.

Tujuan penubuhan koperasi sekolah mempunyai matlamat dan objektif yang lebih besar manfaatnya sehingga dapat melahirkan barisan pelapis koperator yang berkualiti.

Aktiviti Ekonomi Koperasi Sekolah

Aktiviti ekonomi yang menjadi fokus kebanyakan koperasi sekolah adalah aktiviti berdasarkan jualan tunai seperti bahan dan alatan keperluan murid iaitu buku tulis, buku rujukan serta alat tulis. Selain itu, makanan serta minuman ringan seperti keropok dan air kotak juga dijual di kedai koperasi. Pemilihan aktiviti

ekonomi yang dijalankan oleh sesebuah koperasi sekolah bergantung kepada modal, keperluan, jenis sekolah dan kerjasama anggotanya. Pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi sentiasa mencari kaedah meningkatkan penglibatan anggota terhadap aktiviti ekonomi koperasi. Hal ini kerana, aktiviti yang dijalankan oleh koperasi tidak akan berjaya sekiranya anggota yang terdiri daripada kalangan pelajar tidak menyokong aktiviti koperasi dengan sekurang-kurangnya bertindak sebagai pembeli di kedai koperasi.

Anggota koperasi melalui Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) koperasi berhak untuk menentukan jenis dan aktiviti koperasi masing-masing. Aktiviti yang dijalankan boleh ditambah atau dibatalkan dengan memohon pindaan Undang-undang Kecil (UUK) daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Berdasarkan kepada aktiviti umum yang disenaraikan oleh Fasal 8 UUK, terdapat dua kategori aktiviti yang dijalankan di koperasi sekolah iaitu aktiviti bercorak ekonomi dan aktiviti bercorak sosial.

Selain kedai koperasi yang menjual barang keperluan pelajar, terdapat juga koperasi sekolah yang menjalankan perkhidmatan kantin, kelas komputer dan penyewaan tempat letak kereta. Jadual 3 menunjukkan contoh kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh koperasi mengikut jenis sekolah.

Jadual 3: Contoh Kegiatan Ekonomi di Koperasi Sekolah

Sekolah Menengah Harian (Tiada Asrama)	Sekolah Menengah Harian (Ada Asrama)	Sekolah Berasrama Penuh
<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Buku • Perkhidmatan Fotostat • Kafe siber • Penyewaan tempat letak kereta 	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Buku • Perkhidmatan Fotostat • Kafe siber • Penyewaan tempat letak kereta • Pertanian • Dobi • Peralatan Asrama • Kedai Gambar • Kantin 	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Buku • Perkhidmatan Fotostat • Kafe siber • Penyewaan tempat letak kereta • Pertanian • Dobi • Peralatan Asrama • Kedai Gambar • Kantin

Aktiviti Sosial Koperasi Sekolah

Kebanyakan koperasi sekolah merancang aktiviti sosial dalam dua bentuk iaitu kebajikan dan pendidikan. Antara aktiviti yang ditawarkan merangkumi bantuan kewangan, penyediaan gelanggang permainan petaniq, kemudahan tempat bacaan, kolam ikan, kem motivasi, hari sukan sekolah dan perayaan hari guru. Aktiviti sosial seumpama ini, mempertahankan konsep koperasi iaitu menolong diri sendiri. Tambahan lagi, setiap tahun sambutan hari koperasi sekolah yang diadakan juga adalah sebahagian daripada aktiviti bercorak sosial. Acara-acara yang diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara warga koperasi antaranya kuiz, sukaneka, pertandingan lukisan, pertandingan menulis karangan serta penganugerahan AJK koperasi yang dikenal pasti telah berkhidmat dengan cemerlang.

Di samping itu, bagi memenuhi prinsip koperasi ketujuh iaitu prihatin terhadap masyarakat, koperasi sekolah juga melaksanakan aktiviti bercorak sosial dengan memberi sumbangan kepada organisasi atau badan yang memerlukan bantuan berbentuk material atau kewangan seperti rumah kebajikan, masjid dan persatuan kebajikan.

Melahirkan Koperator Berkualiti

Kefahaman terhadap Peranan Sebagai Anggota Koperasi

Umum mengetahui, gerakan koperasi seharusnya berpegang teguh kepada nilai serta prinsip-prinsip koperasi. Pegangan ini tidak terkecuali bagi koperasi sekolah yang mana nilai serta prinsip yang diamalkan akan meningkatkan keutuhan jati diri koperasi. Sehubungan itu, gerakan koperasi sekolah adalah sebagai platform untuk melatih serta membimbing para pelajar tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai anggota koperasi. Pelajar perlu diberi kefahaman tentang peranan mereka dalam gerakan koperasi yang dianggotai. Menurut Ahmad Marzuki Ismail (2004), bimbingan dan penerangan tentang konsep dan

Sebagai merealisasikan idea tersebut, sembilan buah sekolah di Semenanjung Malaysia telah dipilih sebagai peneraju untuk menubuhkan koperasi di sekolah masing-masing.

falsafah koperasi kepada semua anggota koperasi sekolah akan meningkatkan kefahaman dan seterusnya memantapkan peranan pelajar sebagai anggota koperasi. Melalui kefahaman tersebut, pelajar akan memainkan peranan dengan penuh tanggungjawab untuk menyumbang kepada kejayaan koperasi sekolah mereka. Pengetua dan para guru yang terlibat secara langsung atau tidak dengan urusan pentadbiran serta pengurusan koperasi sekolah perlu meletakkan diri mereka sebagai pembimbing dalam gerakan koperasi sekolah bagi melahirkan anggota yang proaktif dan komited untuk memajukan koperasi mereka. Rajah 1 menunjukkan peranan yang perlu dimainkan oleh pelajar selaku anggota koperasi. Usaha berterusan anggota yang terdiri daripada pelajar untuk memajukan koperasi adalah sebagai latihan untuk mempersiapkan mereka sebagai koperator yang berpengetahuan dan berkemahiran apabila mereka menganggotai koperasi dewasa setelah mengakhiri alam persekolahan.

Di samping itu, para pelajar juga seharusnya diberi pendedahan terhadap hak dan tanggungjawab selaku anggota koperasi bagi memantapkan jati diri koperasi dalam diri mereka. Pemahaman mereka terhadap peranan, hak dan tanggungjawab merupakan penggerak penglibatan diri secara langsung dan berfokus. Hal yang demikian akan mendorong pelajar untuk menjadi warga koperator yang sentiasa berusaha untuk menyumbang kepada koperasi yang dianggotainya bagi menikmati hak mereka selaku anggota. Jadual 4 menunjukkan hak dan tanggungjawab pelajar sebagai anggota koperasi.



Sumber: Ahmad Marzuki Ismail, 2004

Rajah 1: Peranan Pelajar Sebagai Anggota Koperasi Sekolah

Jadual 4: Hak dan Tanggungjawab Anggota Koperasi

Hak dan Tanggungjawab	Peranan Anggota
Hak Peribadi	Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan
	Mengemukakan usul
	Mencalon dan mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
	Mengetahui perjalanan koperasi sekolah
	Menggunakan kemudahan koperasi sekolah
	Membuat keputusan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Sekolah
Hak Kewangan	Menikmati kemudahan dan perkhidmatan
	Memperoleh ganjaran – dividen, bonus dan rebat
	Mendapatkan kembali sumbangan modal selepas berhenti
Tanggungjawab Peribadi	Menyertai kegiatan ekonomi dan sosial
	Sukarela berkhidmat tanpa memikirkan ganjaran
	Sedia berkhidmat jika diperlukan
	Kesetiaan terhadap koperasi
Tanggungjawab Kewangan	Membuat sumbangan modal seperti yang dinyatakan dalam UUK
	Bersedia menambah modal saham sekiranya diminta oleh pihak pentadbiran dan pengurusan koperasi
	Membuat pertaruhan khas
	Membuat simpanan tetap


Sumber: Ahmad Marzuki Ismail, 2004

Penglibatan Anggota Dalam Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Sekolah

Koperasi sekolah sebagai batu loncatan dalam melahirkan anggota koperasi kelas pertama seharusnya ditadbir dan diuruskan sebagai koperasi yang menitikberatkan pengamalan nilai dan prinsip koperasi dalam merealisasikan matlamat penubuhan koperasi sekolah. Anggota koperasi sekolah yang terdiri daripada pelajar harus diberi pendedahan dan pengalaman mentadbir koperasi. Rajah 2 menunjukkan sistem pentadbiran koperasi sekolah. Sebagai permulaan, mereka perlu diberikan kefahaman tentang pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi. Melalui pendedahan tersebut mereka akan mengetahui tentang fungsi, kewajipan,


perjalanan mesyuarat dan tindakan selepas mesyuarat.

Seterusnya, anggota koperasi yang terdiri daripada para pelajar hendaklah diberi pengalaman untuk mentadbir koperasi. Mereka perlu diberi galakan untuk mengambil peluang bertanding sebagai Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Bagi tujuan bimbingan, latihan dan tunjuk ajar tentang pentadbiran koperasi, anggota koperasi yang terpilih untuk memegang jawatan perlu diberi peluang memegang jawatan sebagai Naib Pengerusi, Naib Setiausaha, Naib Bendahari atau ALK biasa. Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari yang terdiri daripada guru-guru perlu memberi bimbingan yang sewajarnya dan



Rajah 2: Sistem Pentadbiran Koperasi Sekolah

Sumber: Ahmad Marzuki Ismail, 2004



Rajah 3: Struktur Pengurusan Koperasi Sekolah

Sumber: Ahmad Marzuki Ismail, 2004

memberi keyakinan kepada para pelajar untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pentadbir koperasi seperti mana diamanahkan oleh anggota koperasi sekolah. Antara bentuk bimbingan yang boleh diberikan termasuk mengoperasikan mesyuarat, mencatat minit mesyuarat, menyediakan akaun bagi urusan niaga dan membuat perancangan aktiviti koperasi.

Selain diberi peluang memegang jawatan sebagai ALK, anggota koperasi yang terdiri daripada pelajar pula berpeluang mendapat pendedahan sebagai ahli Jawatankuasa Audit Dalaman. Melalui jawatan ini, mereka bertanggungjawab memastikan perjalanan koperasi perlu mengikut objektif dan matlamat koperasi. Serta memastikan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam mentadbir dan mengurus koperasi tidak berlaku. Mereka yang memegang jawatan ini berpeluang memahami peranan, tanggungjawab, kuasa dan fungsi, memahami teknik-teknik pengauditan, mengenali dan memahami akaun koperasi serta menulis laporan audit. Pengalaman melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Audit Dalam akan melatih anggota untuk menitikberatkan aspek

kawalan dalaman sesebuah organisasi yang dipimpin kelak.

Pendedahan dan pengalaman yang diperoleh pelajar selaku anggota koperasi tidak terbatas kepada aspek pentadbiran. Pelajar juga perlu diberi peluang untuk menguruskan segala aktiviti koperasi sama ada berbentuk ekonomi atau sosial. Kebiasaannya, guru ALK akan membimbing dan memberi peluang para pelajar untuk menguruskan operasi harian seperti kedai buku koperasi, perkhidmatan fotostat dan kafe siber. Rajah 3 menunjukkan salah satu struktur pengurusan yang diguna pakai oleh sesetengah koperasi sekolah. Selain mendapat pengalaman menguruskan operasi harian koperasi, pelajar berpeluang mempelajari ilmu pengurusan perniagaan. Menurut Profesor Diraja Ungku Aziz dalam kertas kerja "Pembangunan Koperasi Sekolah Dari Segi Nasional dan Antarabangsa", terdapat dua tujuan penting dalam pengurusan koperasi sekolah, iaitu:

- Penglibatan anggota dalam kegiatan koperasi dari segi mengambil keputusan dasar besar dan kecil; dan
- Mengurus dengan bijak supaya koperasi tidak mengalami kerugian dan anggota serta sekolah mendapat sebanyak mungkin perkhidmatan.

Penubuhan jawatan kuasa kecil yang terdiri daripada guru dan pelajar akan memberi peluang kepada mereka yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam pentadbiran koperasi untuk terlibat dengan koperasi secara langsung. Penglibatan mereka dalam pengurusan operasi harian serta portfolio lain seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 mampu menyumbang pengalaman menguruskan sebuah aktiviti perniagaan bersaiz kecil. Pengalaman ini akan memupuk semangat keusahawanan dalam diri anggota yang terlibat dan seterusnya mereka akan mampu menguruskan perniagaan yang bersaiz lebih besar apabila menyertai gerakan koperasi dewasa setelah tamat persekolahan. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai ahli jawatan kuasa kecil, para pembimbing perlu memastikan mereka mengamalkan konsep bekerjasama dan tolong-menolong sesama mereka. AJK perlu menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah bagi memupuk budaya kerja yang berkualiti dalam kalangan AJK. Mereka juga berpeluang melibatkan diri dalam mesyuarat jawatankuasa yang membincangkan pencapaian aktiviti, permasalahan serta cadangan untuk menambah baik operasi aktiviti yang melibatkan jawatankuasa mereka.

Rujukan

- A. Aziz, Ungku.(Dis,1999). Kaedah betul mengamalkan prinsip koperasi oleh koperasi. *Pelancar*, p.p 20-21.
- Ahmad Marzuki., & Ismail. (2004). *Pelajar dalam gerakan koperasi sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Marzuki., & Ismail.(2004). *Jati diri dalam gerakan koperasi sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hajah Jamilah. Din., Noranita. Mohd Nor., Rosidah. Rashid., & Muhammad Yusuf. Ibrahim. (2012). *Monograf Penyelidikan: Analisis Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi Sekolah Dalam 100 Buah Sekolah-Sekolah Gred A. Selangor*: Maktab Koperasi Malaysia.

Pemilihan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh sesebuah koperasi sekolah bergantung kepada modal, keperluan, jenis sekolah dan kerjasama anggotanya.

Kesimpulan

Gerakan koperasi sekolah yang ditubuhkan di hampir semua sekolah menengah kerajaan di Malaysia bukan sahaja diiktiraf sebagai salah satu kegiatan kokurikulum yang dapat mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara iaitu menghasilkan pelajar

yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Bahkan, gerakan koperasi sekolah dapat menyiapkan para pelajar untuk menjadi koperator yang berkualiti melalui pendedahan dan pengalaman berkoperasi yang diperoleh mereka melalui penglibatan pelajar sama ada sebagai anggota, ALK dan ahli jawatankuasa portfolio yang diwujudkan. Guru pembimbing yang memegang jawatan di koperasi bertanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta peluang kepada para pelajar yang terlibat dengan koperasi secara langsung atau sebaliknya untuk memainkan peranan masing-masing. Seterusnya, melalui bimbingan tersebut para pelajar akan mendapat kemahiran dan pengalaman berkoperasi yang akan diguna pakai apabila mereka menganggotai koperasi lain setelah menamatkan persekolahan. **DK**